

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU  
[SARIKEI - DAP]**

**TARIKH : 1 NOVEMBER 2016 (SELASA)**

**SOALAN (NO. 35)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berdasarkan laporan akhbar, banyak ganjaran tunai untuk penghargaan atlet yang telah dijalankan oleh Majlis Sukan Negara dan Kementerian tidak diberikan kepada ahli sukan walaupun mereka sudah mencapai sasaran yang ditetapkan, contohnya mencatat rekod baru kebangsaan. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa isu tersebut tidak akan berlaku supaya ahli sukan negara kita selalu berada dalam keadaan yang bermotivasi.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) sentiasa membantu dan menjaga kebajikan ahli-ahli sukan bermula daripada memasuki program pembangunan sehinggalah berakhirnya kerjaya seseorang atlet tersebut kepada negara.
2. Di dalam memberikan galakan serta semangat kepada atlet yang berjuang untuk negara, MSN telah mewujudkan insentif Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) bagi memberi dorongan kepada para atlet, jurulatih dan Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) untuk meningkatkan prestasi masing-masing di peringkat antarabangsa, khususnya di temasya Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan SEA serta kejohanan-kejohanan individu peringkat Dunia dan Komanwel atau Asia. Insentif tersebut termasuklah ganjaran kepada atlet yang telah memecahkan rekod kejohanan atau temasya seperti Sukan Olimpik, Sukan Paralimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan SEA.
3. Walau bagaimanapun, rekod kebangsaan tidak dimasukkan ke dalam skim ini kerana catatan rekod kebangsaan selalunya adalah lebih rendah dari rekod diperingkat Asia, Komanwel dan Dunia. Kebanyakan rekod kebangsaan ini juga berjaya dipecahkan oleh atlet-

**SULIT**

## **SULIT**

atlet ketika temasya Sukan Malaysia yang sekaligus menjadi penanda aras atlet-atlet diperingkat kebangsaan.

4. Selain itu, beberapa Kerajaan Negeri juga ada menyediakan insentif kepada atlet yang mewakili negeri tersebut jika berjaya memenangi pingat dan memecahkan rekod kebangsaan.

Sekian, terima kasih.